

TEKS UCAPAN
BRIGEDIER JENERAL DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN
NAIB CANSOLOR
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS
BERSEMPENA
MAJLIS PROM NIGHT TAHUN AKHIR PUSAT PENGAJIAN
KEJURUTERAAN BAHAN
PADA 27 MAC 2009 DI KELAB GOLF DARUL AMAN

Bismillah hirrahman nirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan salam sejahtera.

Y.Bhg En Khairul Rafezi Ahmad

Dekan Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan

Ir. Salmah Husseinsyah

Timbalan Dekan Akaedemik Dan Penyelidikan Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan

En. Suhardy Daud

Timbalan Dekan Pembangunan Pelajar Dan Alumni Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan

Barisan pensyarah-pensyarah, staf-staf, seterusnya para pelajar Pusat Pengajian Kejuteraan Bahan. Bersyukur kita ke hadrat Ilahi kerana atas limpah kurnia dengan kasih sayangNya dapatlah kita bersama-sama pada malam ini bertemu dan bermesra dalam majlis “Prom Night Tahun Akhir PPK Bahan” yang cukup meriah bagi meraikan pelajar-pelajar tahun akhir PPK Bahan yang bakal menamatkan pengajian pada Mei ini dan akan bergraduasi pada Ogos tahun ini.

Ladies and Gentlemen,

Thank you for having me here. I am very delighted and honored to be here tonight to address this large number of dynamic students, academicians and researchers.

Tonight as we all celebrate the prom Night for School of Materials Engineering, I would like to congratulate the committee members for making this night possible.

I see this year as a tough year and also a year that brought out the best in all of us. So, tonight is the night for all of you to enjoy and celebrate after all the hard work you have put to be where you are now.

So, let's celebrate!

Para hadirin sekalian,

Melalui program sebegini, ia memberi peluang kepada pelajar-pelajar kita mencari pengalaman baru dalam proses penganjuran dan pelaksanaan sesuatu majlis atau program walaupun saya tahu mungkin ada sebahagian daripada pelajar-pelajar kita sudah biasa dengan program-program sebegini. Malah ia juga dapat dijadikan sebagai medan untuk bertukar-tukar pendapat dan pandangan dalam menjadikan majlis ini berjalan dengan lancar.

Saya berharap objektif majlis ini akan tercapai dengan sendirinya seperti apa yang telah dirancangkan. Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada ketua projek dan ahli jawatankuasa yang telah bertungkus-lumus bermesyuarah menyatukan idea, keringat dan usaha dalam menzahirkan majlis ini dengan jayanya. Saya percaya tanpa pemuafakatan, semangat kerjasama yang utuh dan dedikasi sejati pasti kejayaan tidak akan menjelma. Syabas dan tahniah sekali lagi saya ucapkan.

Sebagaimana hadirin sedia maklum, saya merasakan batch ke-3 PPK Bahan ini adalah antara batch yang terbaik di mana mereka banyak mengharumkan nama Pusat Pengajian Bahan dan juga UniMAP sendiri tidak kira dalam bidang akademik mahupun bidang kokurikulum. Sebagai contoh, PPK Bahan menjadi PPK terbaik buat kali ketiga berturut-turut dan saya berharap rekod ini tetap dipegang pada tahun-tahun seterusnya. Pada tahun 2006,

pasukan debat batch ini menjadi naib johan dalam Pidato Piala Rektor dan pada masa yang sama, mereka menjadi johan keseluruhan dalam Kejohanan Olahraga Tertutup UniMAP kali ke-2.

Pada tahun ini pula, salah seorang dari pelajar kita iaitu saudari Farah Farhana binti Zainal telah mendapat Anugerah Pingat Emas Pergerakan Wanita UMNO Malaysia yang baru diterima pada hari Rabu yang lepas. Dan beberapa orang pelajar tahun akhir PPK ini memenangi tempat ke-3 dalam pertandingan Catur Bestari Peringkat Kebangsaan tahun 2008. Semua kejayaan ini dicapai atas kerjasama, kesefahaman dan pengorbanan yang tidak terbelah bagi dari pelajar kita sendiri.

Saudara Saudari yang dikasihi sekalian,

Selama 4 tahun berada di negeri Perlis, saya percaya anak-anak sekalian sudah banyak mencipta kenangan dan memori tidak kira yang indah, pahit, manis, gembira atau duka yang mungkin tidak dapat dilupakan bahkan akan menjadi pengajaran dalam menghadapi masa hadapan.

Walaupun mungkin keadaan dalam kampus tidak sama, tetapi sedikit sebanyak ia akan menjadi panduan kepada anak-anak sekalian. Bermulanya Julai 2005, detik pertama memasuki KUKUM di mana saya tahu sebahagian besar daripada anda tidak memilih KUKUM sebagai univerisiti pilihan, bahkan ada juga yang tidak

tahu akan kewujudan KUKUM itu sendiri. Namun kini, KUKUM sudah bertukar menjadi Univerisiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan anda juga akan bergraduan sebagai graduan UniMAP.

Saya merasakan pelajar semua berasa bangga bergelar graduan UniMAP yang setanding dengan graduan dari IPTA lain yang sudah lama ditubuhkan dan jauh lebih baik daripada mereka.

Saudari Saudari yang dikasihi sekalian,

Selepas ini, anda semua akan keluar dari alam universiti dan akan menempuh alam pekerjaan tidak lama lagi. Saya berharap dan yakin anda semua akan mendapat pekerjaan atau menceburi bidang pekerjaan yang diimpikan. Saya amat berbangga kerana batch kali ini bakal melahirkan ramai 1st class graduan seperti Farah Farhana Zainal, Geeta Amman, Aw Yah Yun, Sashirekha, Voon Chung Hong Leong Chiew Ming dan beberapa pelajar lagi.

Saya difahamkan juga bilangan pelajar yang akan menamatkan pengajian dengan cgpa 3.00 ke atas adalah sangat ramai. Ini membuktikan bahawa batch tahun akhir ini bukan calang-calang pelajarnya dan saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada anda semua. Namun kepada mereka yang lain, jangan berasa putus asa kerana saya percaya peluang kejayaan sentiasa terbuka luas untuk anda.

Sebelum mengakhiri ucapan saya pada malam ini, saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada ketua projek kerana dapat mengadakan program yang cukup bermakna ini. Diharapkan majlis ini dapat dijadikan sebagai kenangan yang terindah bagi kita semua memandangkan ia adalah majlis yang terakhir sebelum bergraduasi.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi taala wabaraktuh.

Thank you.